



MAHKAMAH TINGGI MALAYA,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR
HIGH COURT OF MALAYA

Telefon : K.L. 26939011
Teleks : HAKIM MA 33548
Fax : 03-26944594

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (34)PMT/UU/4/3

Tarikh: 1 April 2003

Semua
Majistret Semenanjung Malaysia

Tuan/Puan,



PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/2003

**Penyediaan Buku Rekod Bagi Tujuan Merekodkan Award Tribunal
Tuntutan Pembeli Rumah di Mahkamah Majistret di bawah Seksyen 16A(2)
Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah telah ditubuhkan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) bagi mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan tuntutan pembeli yang nilainya tidak melebihi RM25,000.00.
3. Bagi tujuan penguatkuasaan, *award* yang dibuat oleh tribunal tersebut hendaklah direkodkan (didaftarkan) di Mahkamah Majistret yang mempunyai bidangkuasa di tempat yang dengannya *award* itu berkaitan atau di tempat *award* itu dibuat.
4. Sehubungan dengan itu tuan/puan dikehendaki menyediakan satu buku rekod untuk tujuan tersebut dan membuka fail untuk penyimpanan satu salinan *award* tersebut. Contoh buku rekod seperti di Lampiran A.


5. Proses kerja terlibat bagi merekodkan *award* tersebut adalah dengan cara menurunkan cap mahkamah di atas salinan *award* dengan perkataan "*Award* direkodkan pada hb 2003" dan hendaklah ditandatangani oleh Majistret atau Pendaftar Mahkamah Rendah. Satu salinan *award* hendaklah disimpan oleh mahkamah dan salinan yang lain hendaklah dikembalikan semula kepada Setiausaha, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah.

6. Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini.

Sekian. Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(MOHAMMAD ZABIDIN BIN MOHD. DIAH)
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia.
Kuala Lumpur.

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Jalan Gersik
Petra Jaya
93050 Kuching.

Pengerusi
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Blok B, Paras 2
Pusat Bandar Damansara
Peti Surat 12579
50782 Kuala Lumpur

Pegawai Undang-Undang I
Bahagian Penyelidikan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur



Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

LAMPIRAN 'A'

BIL.	NO. PENDAFTARAN	NO. AWARD	PIHAK-PIHAK	TANDATANGAN MAJISTRET DAN COP